



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



# STUDENT

## USER MANUAL

### MANUAL PENGGUNA

No Rujukan: JPID2022-V1  
Tarikh Edaran: 15/06/2022

This document contains proprietary and confidential information and is for training purposes for JPID Albayen only. This document is for the intended recipient and may not be used, published or redistributed without the prior written consent of Universiti Teknologi Malaysia.



# ایسی کنڈوٹن

## ISI KANDUNGAN

PENDAHULUAN	1
PERSEDIAAN MENGGUNAKAN SISTEM	2
AKSES KE SISTEM JPID ALBAYEN	3
LOG MASUK KE SISTEM	4
MUKA HADAPAN AKAUN MURID	5
KOMPONEN BAR ATAS ( <i>HEADER BAR</i> )	6
KOMPONEN MENU TEPI ( <i>SIDEBAR MENU</i> )	7
MENU MATA PELAJARAN ( <i>SUBJECTS</i> )	8



<i>LIHAT RUANGAN SENARAI TOPIK</i>	<i>9</i>
<i>LIHAT RUANGAN NOTA MULTIMEDIA (MULTIMEDIA NOTE)</i>	<i>10</i>
<i>LIHAT RUANGAN LATIHAN (EXERCISES)</i>	<i>11</i>
<i>LIHAT RUANGAN KERJA RUMAH (HOMEWORK)</i>	<i>12</i>
<i>LIHAT RUANGAN KUIZ (QUIZZES)</i>	<i>13</i>
<i>JAWAB KUIZ</i>	<i>14</i>
<i>LIHAT RUANGAN UJIAN (TESTS)</i>	<i>15</i>
<i>JAWAB UJIAN</i>	<i>16</i>
<i>LIHAT RUANGAN BAHAN (MATERIALS)</i>	<i>17</i>
<i>LIHAT RUANGAN LEMBARAN KERJA (WORKSHEETS)</i>	<i>18</i>
<i>LIHAT RUANGAN PERKEMBANGAN (PROGRESS)</i>	<i>19</i>
<i>LIHAT RUANGAN FORUM (FORUMS)</i>	<i>20</i>
<b>MENU KEPUTUSAN PEPERIKSAAN (EXAM RESULTS)</b>	<b>21</b>
<i>SEMAK KEPUTUSAN PEPERIKSAAN</i>	<i>21</i>
<b>MENU PERPUSTAKAAN (LIBRARY)</b>	<b>22</b>



*LIHAT PERPUSTAKAAN*

22

**MENU KEHADIRAN (ATTENDANCE)**


**23**

*LIHAT KEHADIRAN*

23

# قندا هولوان

## PENDAHULUAN



JPID Albayen merupakan satu sistem sokongan pengajaran dan pembelajaran yang telah dibangunkan bagi memenuhi keperluan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ). Sistem ini merangkumi beberapa akaun penting, iaitu akaun organisasi, pentadbir sekolah, guru, murid, dan ibu bapa.

Dokumen ini adalah manual pengguna lengkap bagi akaun murid, merangkumi panduan penuh penggunaan sistem bagi akaun murid. Murid boleh menggunakan panduan ini sebagai alat bantuan utama bagi menggunakan Sistem JPID Albayen.

Diharap manual pengguna ini dapat membantu semua murid untuk menggunakan Sistem JPID Albayen.

Terima kasih.

# قرسدیان مڭکوناکن سیستم


## PERSEDIAAN MENGGUNAKAN SISTEM



### Perisian Pelayar Web Bersesuaian

Sistem JPID Albayen dibangunkan selari dengan perkembangan teknologi semasa. Kami syorkan kepada semua pengguna sistem JPID Albayen untuk menggunakan pilihan pelayar web di bawah bagi menikmati pelayaran sistem yang lancar.

Muat turun sekarang:



### Sistem Operasi Bersesuaian

Sistem operasi adalah

Muat turun sekarang:



### *Pop-up Blocker*

Bagi kelancaran penggunaan sistem JPID Albayen, pengguna adalah disarankan untuk menyahaktifkan *popup blocker* pada pelayar web masing-masing.

# اكسس ك سيستم جقيد البايين

## AKSES KE SISTEM JPID ALBAYEN

Bagi mengakses ke sistem JPID Albayen, murid hanya perlu memasukkan pautan di bawah ke dalam pelayar web melalui peranti masing-masing.

Pautan ke sistem:

<https://albayen.sakj.jainj.gov.my>



### Nota

Pilihan pelayar web yang dicadangkan adalah

 Google Chrome atau  Mozilla Firefox.

# لوک ماسوق ک سیستم

## LOG MASUK KE SISTEM

Setelah murid selesai membuat akses ke sistem, murid boleh log masuk ke sistem. Ikuti langkah-langkah di bawah bagi proses log masuk ke sistem.

1. Sila pastikan nama anda sudah didaftarkan di dalam sistem oleh Pentadbir Sekolah. Jika belum atau tidak pasti, sila hubungi Pentadbir Sekolah anda bagi tujuan pendaftaran maklumat anda ke dalam sistem.
2. Jika maklumat anda telah didaftarkan oleh pihak Pentadbir Sekolah, sila masukkan nombor kad pengenalan (tiada sengkang - ) pada ruangan *Username* (contoh: 941223015139).
3. Kemudian, sila masukkan kata laluan pada ruangan *Password*. Kata laluan lalai adalah **Albayen1234**, namun, sekiranya anda telah menukar kata laluan, sila masukkan kata laluan baharu anda.
4. Sila tekan butang *LOG IN* untuk mengakses akaun anda.
5. Jika anda terlupa kata laluan anda, sila tekan pada bahagian *Forget password?* dan sila masukkan maklumat yang diperlukan.



The image shows two views of the JPID Albayen login page. The top view is a desktop browser window. It features the JPID Albayen logo at the top center, which consists of a red and blue circular emblem with a white building icon inside. Below the logo, the text 'JPID Albayen' and 'JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR (JAINJ)' is displayed. The login form includes a 'Help Centre' link in the top right corner, a 'Username' input field, a 'Password' input field, a blue 'LOG IN' button, and a 'Forgot password?' link with a lock icon. At the bottom, there is a reCAPTCHA notice: 'This site is protected by reCAPTCHA and the Google Privacy Policy and Terms of Service apply.'

The bottom view is a mobile phone screen showing the same login page. It includes the same logo, text, and form fields as the desktop version, but with a smaller font size and a mobile-optimized layout. A small cartoon character is visible in the bottom right corner of the phone screen.

# موك هادقن اكاون موريد

## MUKA HADAPAN AKAUN MURID

Setelah selesai proses log masuk, paparan muka hadapan akan dipaparkan pada akaun murid, seperti rajah di sebelah kanan.





Paparan bagi akaun murid boleh dibahagikan kepada tiga (3) komponen, iaitu komponen bar atas (header bar), komponen menu tepi (sidebar menu), dan komponen kandungan (content). Kandungan di dalam komponen bar atas dan menu tepi tidak akan berubah sepanjang penggunaan sistem. Hanya komponen kandungan sahaja yang akan berubah mengikut menu yang dipilih oleh pengguna.

# كومقونين بر اتس

## KOMPONEN BAR ATAS (HEADER BAR)




Komponen bar atas, atau *header bar*, adalah komponen terpenting dalam proses penggunaan Sistem JPID Albayen. Komponen ini mengandungi; bermula daripada kiri, logo sistem JPID Albayen, butang anak panah ke kiri bagi menyembunyikan menu tepi (*sidebar menu*), ikon pemberitahuan, tarikh dan masa, nama guru, dan juga ikon atau *avatar* murid, yang akan menyenaraikan menu-menu penting bagi akaun murid, seperti rajah di sebelah kanan.

-  View Profile
-  Change Avatar
-  Change Password
-  Logout

Pengguna boleh menekan setiap menu yang disediakan, dan paparan baru akan timbul pada paparan skrin anda.

# كومقونين مينو تقي

## KOMPONEN MENU TEPI (SIDEBAR MENU)



Komponen menu tepi pula menyenaraikan menu dan fungsi yang disediakan bagi akaun murid. Ia merangkumi:



1. *Home* atau muka hadapan. Memaparkan pautan pantas ke ruang utama yang memaparkan ikon butang besar *subject* atau mata pelajaran, *exam results* atau keputusan peperiksaan, *library* atau perpustakaan, kalendar, pengumuman, serta perkongsian ayat Al-Quran.
2. Selain itu, komponen menu tepi juga menyediakan menu seperti *subject* atau mata pelajaran, *exam results* atau keputusan peperiksaan, *library* atau perpustakaan, dan *attendance* atau kehadiran.
3. Apabila setiap butang menu tersebut ditekan, satu paparan baru akan muncul memaparkan menu yang telah ditekan.

Murid adalah disarankan untuk menerokai semua menu dan fungsi Sistem JPID Albayen yang telah disediakan agar dapat menambahkan pengetahuan dan kemahiran menggunakan sistem.

# مِنو مات قلاجرن

## MENU MATA PELAJARAN (SUBJECTS)

Menu ini disediakan bagi memudahkan murid melihat mata pelajaran yang akan diajar oleh guru sepanjang tahun tersebut. Selain itu, setiap mata pelajaran tersebut akan mempunyai butang **VIEW LESSON** untuk murid melihat mata pelajaran tersebut dengan butiran lebih lanjut seperti **Lessons**, **Materials**, **Worksheets**, **Progress**, dan **Forums** untuk mata pelajaran tersebut. Komponen menu tepi akan berubah setelah murid memilih mata pelajaran yang murid mahu lihat dengan lebih lanjut.




# مِنو مات قلاجرن

## MENU MATA PELAJARAN (SUBJECTS)


### LIHAT RUANGAN SENARAI TOPIK

Untuk mengakses modul ini, sila tekan menu **Lessons** pada menu tepi. Setiap mata pelajaran mempunyai senarai topik yang perlu dikuasai oleh murid. Senarai topik yang dipaparkan di skrin membolehkan murid memilih untuk melihat butiran topik dengan lebih lanjut jika murid menekan nama topik tersebut dan tekan butang **LET'S EXPLORE!**. Paparan baru akan muncul dengan komponen menu tepi baru yang mempunyai menu lain yang akan diterangkan secara terperinci pada muka surat seterusnya.



# مِينو مات قلاجرن

## MENU MATA PELAJARAN (SUBJECTS) LIHAT RUANGAN NOTA MULTIMEDIA (MULTIMEDIA NOTE)



Pada paparan ini, guru akan dipaparkan dengan komponen menu tepi baru iaitu bahan pelajaran:

1. *Multimedia Note* atau nota multimedia,
2. *Exercises* atau latihan,
3. *Homework* atau kerja rumah,
4. *Quizzes* atau kuiz, dan
5. *Tests* atau ujian.




Pada ruangan nota multimedia, sistem akan memaparkan nota dalam bentuk slaid yang mempunyai isi kandungan yang menarik perhatian murid seperti warna, grafik, dan penggunaan gambar.

# مینو مات قلاجرن

## MENU MATA PELAJARAN (SUBJECTS)

### LIHAT RUANGAN LATIHAN (EXERCISES)


Ruangan latihan, atau *exercises*, adalah ruang yang memaparkan senarai latihan yang telah disediakan oleh Sistem JPID Albayen dan yang ditetapkan oleh guru untuk murid menjawab latihan tersebut supaya pemahaman murid terhadap topik yang diajar oleh guru dapat dikuasai. Murid perlu menekan butang **Start Exercise** untuk mula menjawab latihan seperti rajah di bawah:




# مينو مات قلاجرن

## MENU MATA PELAJARAN (SUBJECTS)

### LIHAT RUANGAN KERJA RUMAH (HOMEWORK)

Sama seperti latihan, Sistem JPID Albayen juga menyediakan ruang untuk kerja rumah supaya murid dapat mengukuhkan lagi pemahaman murid terhadap topik yang dimuridi. Kerja rumah adalah fungsi yang disediakan untuk murid mengulang kaji di rumah menggunakan Sistem JPID Albayen. Senarai kerja rumah yang disediakan oleh Sistem JPID Albayen dan guru akan dipaparkan setelah murid menekan butang .



JPID Albayen


Welcome,  
NUR AINA DALILA BINTI SYUKOR  
1 AMANAH

Home

List of Lessons

LESSON MATERIAL

- Multimedia Note
- Exercises
- Homework**
- Quizzes
- Tests



**IBADAT | Taharah**

List of Homeworks Prepared by Albayen

Sorry, no homework had been assigned for this lesson.  
If problem persist, please contact your teacher or your school.

List of Homeworks from your Teacher

Sorry, no homework had been assigned from your teacher for this lesson.  
If problem persist, please contact your teacher or your school.

# مينو مات قلاجرن

## MENU MATA PELAJARAN (SUBJECTS)

### LIHAT RUANGAN KUIZ (QUIZZES)

The sidebar menu for JPID Albayen includes the following elements:

- JPID Albayen logo and name at the top.
- User profile section: "Welcome, NUR AINA DALILA BINTI SYUKOR 1 AMANAH" with a profile picture icon.
- Navigation menu: Home, List of Lessons.
- LESSON MATERIAL section: Multimedia Note, Exercises, Homework.
- Quizzes (highlighted in green).
- Tests.

The main content area shows the "IBADAT | Taharah" lesson page. It features a "List of Quizzes Prepared by Albayen" section with a "Quiz 1" card. The card has "Individual" and "General" tabs and a "Start Quiz" button. Below this is a "List of Quizzes from your Teacher" section with a message: "Sorry, no quiz had been assigned from your teacher for this lesson. If problem persist, please contact your teacher or your school."

Ruangan kuiz adalah ruang untuk murid menguji kefahaman murid dengan menjawab soalan-soalan kuiz yang ringkas yang telah disediakan oleh Sistem JPID Albayen atau kuiz yang disediakan oleh guru. Untuk menjawab kuiz, murid perlu menekan butang **Start Quiz**.

# مينو مات قلاجرن

## MENU MATA PELAJARAN (SUBJECTS)

### JAWAB KUIZ

Setelah menekan butang **Start Quiz**, satu paparan baru yang mempunyai soalan, pilihan jawapan, serta tempoh masa untuk menjawab soalan dipaparkan. Murid perlu menjawab kuiz dalam tempoh masa yang diberikan oleh sistem dan hantar sebelum tempoh masa tersebut tamat. Soalan serta pilihan jawapan kuiz turut mempunyai audio untuk dimainkan oleh murid. Setelah selesai menjawab kuiz, murid perlu menekan butang **Submit Answers** untuk menghantar kuiz tersebut.

# مِنو مَات قَلَا جَرِن

## MENU MATA PELAJARAN (SUBJECTS)

### LIHAT RUANGAN UJIAN (TESTS)

The sidebar menu for JPID Albayen includes the following elements:

- JPID Albayen logo and name at the top.
- User profile section: "Welcome, NUR AINA DALILA BINTI SYUKOR 1 AMANAH" with a user icon.
- Navigation menu: Home, List of Lessons.
- LESSON MATERIAL section: Multimedia Note, Exercises, Homework, Quizzes.
- Tests section at the bottom.

The screenshot shows the 'IBADAT | Taharah' lesson page with the following content:


- Section: **IBADAT | Taharah**
- Section: **List of Tests Prepared by Albayen**
- Two test cards:
  - Test 1 (Part A)**: Includes 'Individual' and 'General' filters, and a 'Start Activity' button.
  - Test 1 (Part B)**: Includes 'Individual' and 'General' filters, and a 'Start Activity' button.
- One test card:
  - Placement Test**: Includes 'Individual' and 'General' filters, and a 'Start Activity' button.
- Section: **List of Tests from your Teacher**
- Message: "Sorry, no test had been assigned from your teacher for this lesson. If problem persist, please contact your teacher or your school."

Ruangan ujian adalah ruang untuk murid menguji kefahaman murid setelah habis memmuridi topik mata pelajaran yang diajar oleh guru dengan menjawab soalan-soalan ujian yang lebih teliti yang telah disediakan oleh Sistem JPID Albayen atau ujian yang disediakan oleh guru. Untuk menjawab ujian, murid perlu menekan butang **Start Activity**.

# مينو مات قلاجرن

## MENU MATA PELAJARAN (SUBJECTS)

### JAWAB UJIAN



JPID Albayen

Welcome,  
NUR AINA DALILA BINTI SYUKOR  
1 AMANAH

Home

List of Lessons

LESSON MATERIAL

- Multimedia Note
- Exercises
- Homework
- Quizzes
- Tests



**PLACEMENT TEST**

IBADAT | Taharah

29:46  
minute(s) left

1 2 3 4 5 6 7 8 9 10

كبرسيهن تيدق دتونتوت دالم إسلام.

Play Sound

Answer Choices

بئول

سئاله

Previous Question ← Submit Answers

Setelah menekan butang **Start Activity**, satu paparan baru yang mempunyai soalan, pilihan jawapan, serta tempoh masa untuk menjawab soalan dipaparkan. Murid perlu menjawab ujian dalam tempoh masa yang diberikan oleh sistem dan hantar sebelum tempoh masa tersebut tamat. Soalan serta pilihan jawapan ujian turut mempunyai audio untuk dimainkan oleh murid. Setelah selesai menjawab ujian, murid perlu menekan butang **Submit Answers** untuk menghantar ujian tersebut.

# مِنو مات قلاجرن

## MENU MATA PELAJARAN (SUBJECTS)

### LIHAT RUANGAN BAHAN (MATERIALS)

Ruangan bahan adalah ruang yang memaparkan semua bahan yang telah dikongsikan oleh guru mata pelajaran kepada murid. Sistem JPID Albayen akan menyenaraikan nota atau bahan yang guru telah muat naik ke dalam Sistem JPID Albayen. Murid yang mahu melihat bahan tersebut hendaklah menekan butang [Download](#) kerana ia akan dimuat turun ke dalam komputer murid terlebih dahulu.

**SIRAH**  
List of additional materials

List of Materials Prepared by your Teacher

- Topik 1: Kota Makkah** [Download]
- Prepared by Amisya Ramli  
20 January 2021
- Nota Multimedia** [Download]
- Prepared by Amisya Ramli  
21 January 2021

JPID Albayen


Welcome,  
NUR AINA DALILA BINTI SYUKOR  
1 AMANAH



- Home
- List of Subjects
- Lessons
- Materials**
- Worksheets
- Progress
- Forums

# مينو مات قلاجرن

## MENU MATA PELAJARAN (SUBJECTS)

### LIHAT RUANGAN LEMBARAN KERJA (WORKSHEETS)

Ruangan lembaran kerja adalah ruang yang memaparkan lembaran kerja yang telah dikongsikan oleh Sistem JPID Albayen atau guru mata pelajaran kepada murid. Lembaran kerja perlu dilakukan oleh murid setelah murid selesai belajar beberapa topik pada mata pelajaran tersebut bagi mengukuhkan lagi kefahaman murid terhadap beberapa topik tersebut. Murid yang mahu melihat bahan tersebut hendaklah menekan butang  kerana ia akan dimuat turun ke dalam komputer murid terlebih dahulu.





# مينو مات قلاجرن

## MENU MATA PELAJARAN (SUBJECTS)

### LIHAT RUANGAN PERKEMBANGAN (PROGRESS)


Ruangan perkembangan adalah ruang dimana murid dapat melihat perkembangan murid dalam peratus bagi latihan, kerja rumah, kuiz, dan ujian. Ia adalah fungsi dimana murid dapat menjejak jika terdapat latihan, kerja rumah, kuiz, atau ujian yang masih tidak diselesaikan oleh murid serta dapat melihat aktiviti yang telah dilengkapkan oleh murid.






# مِنو مات قلاجرن

## MENU MATA PELAJARAN (SUBJECTS)

### LIHAT RUANGAN FORUM (FORUMS)





Ruangan forum adalah disediakan oleh Sistem JPID Albayen untuk guru dan murid berinteraksi atau berbincang tentang perkara yang berkaitan mata pelajaran tersebut. Forum tersebut hanya akan dicipta oleh guru, murid hanya boleh menyertai forum tersebut. Untuk menyertai forum, murid perlu tekan butang  supaya paparan seperti dibawah dapat dipaparkan.





# مينو كفو توسن ققر يقسان

## MENU KEPUTUSAN PEPERIKSAAN (EXAM RESULTS)

### SEMAK KEPUTUSAN PEPERIKSAAN





Murid boleh menyemak keputusan peperiksaan yang telah dimasukkan oleh guru menggunakan Sistem JPID Albayen. Ikuti langkah dibawah untuk mengetahui cara menyemak keputusan peperiksaan:





1. Murid perlu pilih tahun kemudian tekan butang .
2. Setelah senarai nama peperiksaan keluar, tekan butang  pada peperiksaan yang dipilih.
3. Satu paparan baru akan dipaparkan dengan keputusan peperiksaan murid.

# مينو قرقوستانكان

## MENU PERPUSTAKAAN (LIBRARY) LIHAT PERPUSTAKAAN



Sistem JPID Albayen mempunyai kemudahan seperti perpustakaan. Murid perlu menekan butang  pada komponen menu tepi untuk akses ke perpustakaan. Perpustakaan adalah ruang yang menyimpan bahan bacaan seperti:




1. i-Book,
2. Buku cerita & majalah,
3. Illustration, dan
4. Video & audio.


# مينو كحاضيرن

## MENU KEHADIRAN (ATTENDANCE)

### LIHAT KEHADIRAN



Attendance System



Name NUR AINA DALILA BINTI SYUKOR

MyKAD / Birth Certificate / Passport Number 130303010001

Class 1 AMANAH

This is an auto-generated QR code.  
Please display this QR code when taking your attendance to the school.

Show  entries Search:

No	Date	Attendance
1	06 April 2022	Present
2	11 April 2022	Present

Showing 1 to 2 of 2 entries Previous **1** Next

Sistem JPID Albayen mempunyai menu kehadiran yang akan memaparkan rekod kehadiran murid yang telah direkodkan oleh guru ke dalam sistem. Menu ini mempunyai maklumat murid dan kod QR yang membolehkan pengguna mengimbas kod untuk merekodkan kehadiran. Sistem ini juga akan memaparkan sejarah data tarikh dan status kehadiran murid.

